

**PEMAKLUMAN BORANG BAYARAN CUKAI PEGANGAN DI BAWAH  
SEKSYEN 107D DAN SEKSYEN 109DA ACP 1967 (ACP) TELAH  
DIMUAT NAIK PADA PORTAL RASMI HASIL**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa Borang Bayaran Cukai Pegangan di bawah Seksyen 107D dan Seksyen 109DA ACP telah dimuat naik pada Portal Rasmi HASiL.

1. Berikut adalah Borang Cukai Pegangan yang telah disediakan :

Seksyen	Perkara	Borang	Lampiran
107D	Borang bayaran berbentuk kewangan kepada ejen, pengedar atau pengagih (individu pemastautin).	CP107D	CP107D(1)

<b>109DA</b>	Borang akaun potongan pendapatan yang diterima daripada agihan oleh Unit Amanah Dana Pasaran Wang Runcit (RMMF).	Pelabur Selain Individu (Mastautin)	Tiada
		CP37E(R)	
		Pelabur Selain Individu (Tidak Bermastautin)	
		CP37E(NR)	

2. Dokumen tersebut boleh diakses dan dimuat turun mengikut panduan seperti berikut :
  - i. Layari Portal Rasmi HASiL di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)
  - ii. Klik menu **Borang > Muat Turun Borang > Cukai Pegangan.**
  
3. Sebelum membuat pengisian Borang CP107D, pembayar perlu memastikan penerima mempunyai nombor cukai pendapatan. Sekiranya penerima tidak mempunyai nombor cukai pendapatan, pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui e-Daftar di <https://edaftar.hasil.gov.my/>
  
4. Bagi akaun potongan pendapatan yang diterima daripada agihan oleh Unit Amanah Dana Pasaran Wang Runcit (RMMF) di bawah seksyen 109DA ACP, Pembayar perlu mengisi Borang CP37E(R) atau CP37E(NR) sahaja. Pembayar

tidak perlu mengemukakan lampiran bersama-sama dengan Borang CP37E(R) atau CP37E(NR).

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

Facebook Rasmi: facebook.com/LHDNM

Instagram Rasmi: instagram.com/lhdnm

Twitter Rasmi: @LHDNMofficial

**Tarikh: 09 Mac 2022**